

STATUS TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-56

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
	56.2	Perkara – Perkara Berbangkit		
1.	56.2(a)	mesyuarat mengambil maklum berhubung isu penemuan audit yang tidak ditutup melebihi tempoh disebabkan juruaudit tidak membuat penutupan walaupun tindakan telah diambil oleh PTJ. Sehubungan itu, mesyuarat meminta pihak PTJ melalui Penyelaras Audit Dalam PTJ mengambil peranan yang proaktif dengan menghubungi juruaudit terlibat selepas bukti tindakan dimuat naik ke dalam PortalCQA bagi memastikan pengesahan penutupan ke atas NCR/OFI yang terlibat dapat dilaksanakan oleh Juruaudit dengan segera.	TWP PP &TWP PTJ yang berkenaan	1. <u>PAD UPM</u> a) Peringatan secara berkala dibuat kepada PTJ dan KJAD bagi menutup penemuan audit dalam. b) Perjumpaan bersama TPAD PTJ akan diadakan bagi tujuan pemantauan penutupan penemuan audit dalam PTJ. 2. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Telah mengambil tindakan dengan menyemak Laporan Audit Dalam di dalam Portal CQA dan memaklumkan kepada KJAD untuk membuat penutupan setelah penambahbaikan dibuat diperingkat PTJ.
2.	56.2(b)	mesyuarat mengambil maklum cadangan supaya memantapkan lagi kaedah penutupan penemuan audit dalaman serta cadangan notifikasi yang dihantar kepada juruaudit ditambah baik dengan memaparkan No. OE yang terlibat, akan dipertimbangkan untuk penambahbaikan Sistem Audit Dalam pada masa hadapan.	PAD UPM	Permohonan melalui SPICT telah dibuat pada 29 Mac 2023 (No. Permohonan 202303-1749) bagi penambahan No. OE dalam emel kepada JAD.
3.	56.2(c)	mesyuarat mengambil perhatian berkaitan isu keselamatan penyediaan makanan bagi program /aktiviti pelajar UPM terutamanya yang	TWP PNC (Entiti PPKKP)	Tiada tatacara yang jelas di peringkat universiti berkaitan program/aktiviti pelajar yang melibatkan 'food truck'. Buat masa ini,

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
		melibatkan penyediaan makanan oleh pihak vendor seperti <i>food truck</i> . Mesyuarat meminta supaya pihak Universiti meneliti keperluan untuk mewujudkan SOP kawalan khusus bagi memastikan kualiti makanan dan tahap kesihatan penyedia makanan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.		kelulusan program/aktiviti adalah di bawah pengurusan BHEP.
4.	56.2(d)	mesyuarat meminta PTJ yang belum mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan OFI SIRIM Tahun 2022 supaya dapat melaksanakan tindakan sebelum atau pada 31 Mac 2023 bagi tujuan persediaan Audit Dalaman UPM Tahun 2023.	TWP SPS, TWP PIU, TWP iDEC, TWP CADe, TWP FPP & TWP UPMKB	<p>1. <u>PAD UPM</u> Semua PTJ terlibat telah memberi maklum balas tindakan OFI SIRIM.</p> <p>2. <u>TWP FPP</u> FPP akan melaksanakan dan mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan Audit SIRIM tahun 2022 pada bulan Ogos 2023. Analisis dengan menekankan kepada aspek kualitatif dari penilaian pelajar dan industri hanya dapat dilaksanakan apabila pelajar tamat Latihan Industri pada 4 Ogos 2023. Pembentangan Latihan Industri oleh pelajar akan diadakan pada 11 Ogos 2023.</p> <p>3. <u>TWP PP CADe-Lead</u> OFI-1 (iii) - Pengemaskinian senarai pentadbir learning hub fakulti dilaksanakan dua kali iaitu pada 22 Jun 2022 dan 19 Disember 2022. OFI-2 - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) sedang melaksanakan penyelenggaraan Sistem Penilaian Pengajaran untuk penambahbaikan fungsian sistem yang</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>membolehkan pensyarah memuat turun laporan terus daripada Portal Putra Learning Hub mulai Semester Pertama Sesi 2023/2024.</p> <p>4. <u>TWP PP iDEC</u> Maklumbalas dan bukti pelaksanaan tindakan OFI Audit SIRIM iDEC tahun 2023 telah diemelkan kepada pihak CQA pada 18 Mei 2023.</p>
56.3		Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)		
5.	56.3(c)	meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan pindaan Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003) dengan penambahbaikan pada penulisan badan pensijilan untuk dikuatkuasakan pemakaiannya pada 28 Februari 2023.	PKD, UPM	Cadangan pindaan Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003) telah dikuatkuasakan pada 28 Februari 2023 dan dihebahkan pemakaiannya melalui emel INFO UPM bertarikh 27 Februari 2023.
6.	56.3(f)	meminta peneraju proses terlibat membuat semakan terhadap baki 230 dokumen ISO belum pinda tahun 2019 masing-masing dan seterusnya membuat keputusan sama ada dokumen :	TWP PASP, TWP PNC, TWP TNCAA (BKAD), TWP SPS, TWP Pej. TNCPI, TWP Pej. TNCHEPA, TWP Pej. Bursar,	<p>1. <u>PKD</u> Setakat 28 Februari 2023, sebanyak 35.4% (86/243) dokumen belum pinda tahun 2019 telah dikemaskini oleh peneraju proses.</p> <p>Pemantauan akan dilaksana secara berkala bagi memastikan baki 157 dokumen dikemaskini semasa kuatkuasa dokumen pada Julai/September 2023.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
		<p>(i) Dikekalkan sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dokumen dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa;</p> <p>(ii) Digabungkan sekiranya dokumen bertindih fungsi/proses dengan dokumen lain; dan</p> <p>(iii) Digugurkan sekiranya dokumen tidak lagi relevan dengan pelaksanaan terkini.</p>	<p>TWP Pej. Pendaftar, TWP PSAS, TWP PKU, TWP PKKSSAAS, TWP PIU & TWP FPV</p>	<p>2. <u>TWP PP Pej. TNCPI</u> Pejabat TNCPI mempunyai dua Dokumen Tarikh Kuat Kuasa 2019 seperti berikut:</p> <p>a) Borang Laporan Verifikasi (SOK/CAL/BR02/LV)</p> <p>b) Senarai Peralatan Tentukur/ Verifikasi (SOK/CAL/SU01/SPT)</p> <p>Pemilik dokumen iaitu RMC akan membuat semakan terhadap kedua-dua dokumen bagi tarikh kuat kuasa 25 Julai 2023 iaitu selepas mengambil kira hasil dapatan Audit Dalaman Pejabat TNCPI 2023.</p> <p>3. <u>TWP PP Pej. Pendaftar</u> Pejabat Pendaftar telah melaksanakan semakan terhadap 40 dokumen ISO tahun 2019. Pengemaskinian dokumen mengikut tarikh kuatkuasa dokumen pada 25 Julai dan 26 September 2023.</p> <p>4. <u>TWP PP PKU</u> Keperluan semakan dokumen belum pinda tahun 2019 (QMS) di PKU UPM telah dimuat naik dalam Sistem eISO dan salinan lembut dokumen telah diemelkan kepada CQA.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>5. <u>TWP PP TNCAA (BKAD)</u> Kesemua 66 dokumen belum pinda tahun 2019 skop Pengajian Prasiswazah telah dikemaskini berkuatkuasa pada 28 Februari 2023.</p> <p>6. <u>TWP PP PNC</u> Semakan dokumen telah dibuat dan beberapa dokumen yang belum pinda pada tahun 2019 telah dikemukakan kepada pemilik proses dan dokumen tersebut sedang dalam proses pindaan.</p> <p>7. <u>TWP PP PSAS</u> 2 dokumen (Garis Panduan) dikekalkan dengan pindaan dan akan berkuatkuasa pada 25 Julai 2023.</p> <p>8. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u></p> <p>a) UPM/OPR/HEPA/P005 - Prosedur Pengendalian Pengajaran Kokurikulum Berkredit - dalam proses pindaan dokumen kuatkuasa 25 Julai 2023.</p> <p>b) OPR/HEPA/BR25/PKPP - BORANG PERMOHONAN FASILITATOR – dalam proses pindaan dokumen kuatkuasa 25 Julai 2023.</p> <p>c) OPR/HEPA/BR26/PKPP - BORANG PENANGGUHAN DAN GANTIAN AMALI –</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				dalam proses pindaan dokumen kuatkuasa 25 Julai 2023.
	56.4	Laporan Audit		
7.	56.4(c)	meminta PTJ yang terlibat mengambil tindakan bagi tujuan penutupan NCR dan OFI tahun 2022 yang berstatus belum ditutup. Sekiranya NCR dan OFI memerlukan tempoh tindakan yang lebih panjang, PTJ perlu meletakkan tarikh cadangan penutupan yang bersesuaian bagi memastikan tindakan ke atas penemuan yang diberikan dapat ditutup dengan berkesan.	TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan	<p>1. <u>TWP FPP</u> FPP telah mengambil tindakan yang berkaitan bagi menutup semua NCR 2022. Untuk OFI masih ada satu yang belum dapat dibuat penutupan kerana melibatkan kelulusan beberapa pihak untuk penggantian alatan usang dan memakan kos yang agak tinggi.</p> <p>2. <u>TWP PP Pej. Pendaftar</u> Penemuan 1 NCR dan 6 OFI bagi Audit Dalaman QMS Pejabat Pendaftar tahun 2022 telah ditutup.</p> <p>3. <u>TWP FSTM</u> 1 NCR masih dalam tempoh sehingga Okt. 2023 (Sem. 1 2023/2024).</p> <p>4. <u>TWP PP PWJ. TNCHEPA</u> Telah mengambil tindakan dengan menyemak Laporan Audit Dalam di dalam Portal CQA dan memaklumkan kepada KJAD untuk membuat penutupan setelah penambahbaikan dibuat diperingkat PTJ. Hasil semakan OFI dan NCR bagi entiti HEPA tahun 2022, didapati semua NCR dan OFI dalam status tutup.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
8.	56.4(e)	<p>mengambil maklum berkaitan aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2023 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM. Sehubungan dengan itu, semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan audit dalaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan.</p>	<p>Semua TWP PP & TWP PTJ</p>	<p>1. <u>PAD UPM</u> Pemakluman panduan tindakan PTJ dibuat hebahan menerusi info@upm.edu.my dan emel kepada TWP PP/TWP PTJ serta TPAD PTJ selepas pengesahan pendaftaran penemuan audit PTJ.</p> <p>2. <u>TWP FPP</u> FPP telah melaksanakan audit dalaman mengikut tempoh yang ditetapkan dan pelaksanaan mengikut Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM.</p> <p>3. <u>TWP PP Pej. Pendaftar</u> Pejabat Pendaftar telah melaksanakan Audit Dalaman pada 11 Mei 2023 (ISMS) dan 22 - 23 Mei 2023 (QMS) dalam tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>4. <u>TWP FSTM</u> Audit Dalaman telah dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>5. <u>TWP PP PKU</u> Audit Dalaman QMS telah dilaksanakan pada 1 dan 2 Jun 2023. Pihak Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah membuat semakan dan pengesahan penemuan Audit Dalam pada 15 Jun 2023, penemuan tersebut iaitu: <u>QMS</u></p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>Laporan Ketakakuran (NCR) = 0 Peluang Penambahbaikan (OFI) = 4</p> <p>6. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Telah melaksanakan Audit Dalaman QMS dan ISMS bagi Entiti HEPA seperti berikut:</p> <p>a) Audit QMS telah dilaksanakan pada 12 hingga 16 Jun 2023. b) Audit ISMS telah dilaksanakan pada 19 dan 20 Jun 2023.</p>
56.5.1(b)		Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2022		
9.	56.5.1(b)iii	meminta peneraju proses terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/ penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi PFA tahun 2022 yang tidak mencapai sasaran sebagaimana cadangan yang telah dikemukakan. Senarai petunjuk prestasi Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 yang tidak mencapai sasaran.	TWP PNC (PSPK), TWP SPS, TWP Pej. Bursar, TWP PKKSSAAS & TWP CALC	<p>1. <u>TWP PP PNC</u> Peneraju proses sedang dalam tindakan penambahbaikan terhadap PFA tahun 2022. <i>(Nota : Mohon dilaporkan semasa mesyuarat)</i></p>
10.	56.5.1(b)iv	bersetuju mengesahkan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2022 serta meluluskan cadangan perubahan ke atas 15 petunjuk prestasi dan sasaran untuk pengukuran tahun 2023 dengan cadangan penambahbaikan berikut:	TWP Pej. Bursar	Cadangan perubahan telah dikemaskini dan diukur untuk pencapaian Januari – Jun 2023.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
		<ul style="list-style-type: none"> penulisan tindakan pembetulan bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran tahun 2023 iaitu “Peratusan penilaian prestasi pembekal 2 kali setahun yang mendapat skor 60% dan ke atas” ditambah baik supaya tidak bersifat proses semata-mata bagi memastikan keberkesanan tindakan pembetulan yang akan diambil. Antara tindakan pembetulan yang dicadangkan adalah seperti pemotongan pembayaran, pengeluaran surat amaran dan pemantauan prestasi pembekal mengikut sukuan tahun. 		<p>Rujuk tindakan pembetulan dalam Laporan Agenda 6 (a)(ii).</p> <p>Senarai pembekal yang mendapat markah 60% dan ke bawah telah dimuatnaik di laman web Pejabat Bursar untuk rujukan oleh PTJ ketika proses pemilihan pembekal.</p> <p>Laporan ini juga dijadikan salah satu kriteria yang dinilai semasa proses pemilihan petender di peringkat sebutharga atau tender.</p>
56.5.1(c)		Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2022		
11.	56.5.1(c)iv	<p>Mesyuarat meminta Peneraju Proses terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2022.</p> <p><i>(Nota : Mohon dilaporkan semasa mesyuarat)</i></p>	<p>TWP PNC, TWP SPS, TWP TNC JINM, TWP Pej. BURSAR, TWP PPPA, TWP PKU, TWP PUPM, TWP CADe, TWP IDEC & TWP PPUU</p>	<p>1. <u>TWP PP PKU</u></p> <p>1) Memastikan semua ujikaji yang dilaksanakan di PKU dapat disiapkan pada hari yang sama.</p> <p>Punca Ketidakcapaian (Jan 2022) – Tidak mencapai Objektif kualiti kerana sebanyak 22 ujikaji (Uric Acid) tidak dapat dijalankan berikutan mesin biokimia mengalami kerosakan pada 20.1.2022 bermula jam 3.00 petang. Mesin selesai dibaiki pada jam 12.00 tengahari 22.1.22.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>Tindakan Pembetulan – Pindaan sasaran piagam pelanggan dari 100% ke 95% mulai Januari 2023 berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan PKU Bil. 2/2023 pada 28 Februari 2023.</p> <p>2) Memastikan masa yang diambil untuk ambulans sampai ke lokasi kejadian dalam kampus tidak melebihi 15 minit selepas menerima panggilan.</p> <p>Punca Ketidakaapaian (Feb 2022) – Maklumat yang diterima berkaitan lokasi sebenar pesakit tidak jelas menyebabkan petugas lambat tiba di lokasi.</p> <p>Tindakan Pembetulan – Menyediakan memo kepada petugas berkaitan keperluan mendapatkan maklumat lokasi yang jelas.</p> <p>3) Memastikan masa menunggu untuk mendaftar tidak melebihi 15 minit selepas mengambil nombor giliran.</p> <p>Punca Ketidakaapaian (Nov & Dis 2022) – Pada bulan November dan Disember 2022 PKU menerima ramai pelanggan yang melaksanakan pemeriksaan kesihatan melibatkan pelajar antarabangsa. Masa</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>yang diambil untuk memasukkan maklumat pelanggan yang pertama kali datang ke PKU ke dalam sistem e-Klinik bagi tujuan pendaftaran memerlukan masa yang lama berbanding pelanggan sedia ada</p> <p>Tindakan Pembetulan – Tiada tindakan pembetulan. Pemeriksaan kesihatan adalah bertempoh. Sasaran yang tidak tercapai adalah masih rendah dan boleh dicapai setelah tamat pemeriksaan kesihatan yang berkala ini selesai.</p> <p>2. <u>TWP PP PKU</u></p> <p>Piagam Pelanggan CADe-Lead mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2022 (https://cadelead.upm.edu.my/kandungan/aporan_pencapaian_piagam_pelanggan_2022-71651).</p> <p>3. <u>TWP PP PNC</u> Peneraju proses telah melaksanakan penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2022.</p> <p>4. <u>TWP PP iDEC</u> Piagam Pelanggan Ke-5 dikenalpasti sebagai Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2023.</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>Ia adalah berpunca dari ketidakpuashatian pengadu disebabkan aduan masih tidak dapat diselesaikan dengan cepat.</p> <p>Langkah pembetulan/penambahbaikan: Pihak <i>helpdesk</i> telah melaksanakan tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) menerangkan dengan baik kepada pengadu tentang punca dan isu sekiranya memerlukan masa yang lama; dan ii) Kerap memberitahu pengadu tentang status semasa agar pengadu tidak menunggu lama status aduan yang dibuat. <p>5. <u>TWP PP PEJ. TNCJINM</u> (Entiti : PPDN) Justifikasi tidak capai : Pemeriksaan yang dijalankan adalah rumit serta memerlukan penelitian khas oleh pakar untuk menyediakan laporan</p> <p>Penambahbaikan yang dilakukan : Meminda keseluruhan Piagam Pelanggan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan pemeriksaan pesakit diserahkan dalam tempoh 10 hari bekerja kecuali pemeriksaan yang memerlukan penelitian khas. 2. Pesakit akan dimaklumkan semula tarikh temujanji perkhidmatan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas menyerahkan borang permohonan.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>3. 90% pesakit menerima pemeriksaan pada tarikh temujanji.</p> <p>4. Pesakit menerima emel notifikasi pengesahan pembayaran dalam tempoh .3 hari bekerja selepas membuat pembayaran.</p>
12.	56.5.1(c)v	Mesyuarat meminta supaya pelaporan piagam pelanggan pada masa akan datang ditambah baik dengan melaporkan punca dan tindakan pembetulan bagi piagam pelanggan proses utama dan sokongan yang tidak mencapai sasaran.	PKPU, UPM	Format pelaporan piagam pelanggan telah ditambahbaik dengan menambah ruangan justifikasi atau punca dan tindakan pembetulan bagi piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran berkuat kuasa pada Mei 2023.
56.5.2		Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bagi Tempoh Januari Hingga Disember Tahun 2022		
13.	56.5.2(c)	bersetuju mengesahkan pencapaian objektif ISMS tahun 2022 serta meluluskan cadangan perubahan dan penetapan objektif keselamatan maklumat bagi tahun 2023 iaitu sebanyak empat (4) objektif sedia ada dikekalkan dan dua (2) objektif baharu diwujudkan berkaitan aktiviti perluasan skop pendaftaran pelajar baharu siswazah untuk dipantau pengukurannya sepanjang tahun 2023.	TWP ISMS	Enam (6) Objektif Keselamatan Maklumat bagi pengukuran tahun 2023 dipantau secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM. Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 adalah seperti pada Laporan Agenda 6 (b) .

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN								
56.6.1		Laporan Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS										
14.	56.6.1(e)	<p>terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju berdasarkan skor skala penilaian yang kurang memuaskan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SOALAN PENAJA</th> <th>SKOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.</td> <td>2.68</td> </tr> <tr> <td>Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian</td> <td>2.00</td> </tr> </tbody> </table>	SOALAN PENAJA	SKOR	Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.	2.68	Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian	2.00	TWP Pej. TNC AA & TWP SPS	Nota: Mohon dilaporkan semasa mesyuarat.		
SOALAN PENAJA	SKOR											
Penaja memberi tajaan tanpa komitmen untuk mengambil pelajar berkhidmat dengannya.	2.68											
Penaja tidak menggalakkan pelajar menukar program pengajian	2.00											
15.	56.6.1(k)	<p>terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju berdasarkan skor skala penilaian yang kurang memuaskan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SOALAN INDUSTRI</th> <th>SKOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tiada</td> <td>-</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SOALAN STAF UPM</th> <th>SKOR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sistem Sokongan [Keseluruhannya, paparan Sistem HiStaf skop JINM mesra pengguna.</td> <td>2.84</td> </tr> </tbody> </table>	SOALAN INDUSTRI	SKOR	Tiada	-	SOALAN STAF UPM	SKOR	Sistem Sokongan [Keseluruhannya, paparan Sistem HiStaf skop JINM mesra pengguna.	2.84	TWP Pej. TNC JINM	<p>Sistem HiStaf Skop JINM baharu dibuka penggunaannya pada Februari 2022. Pada ketika penilaian dilaksanakan iaitu Julai 2022, latihan/kursus kepada pengguna belum dilaksanakan secara menyeluruh kepada pegawai akademik, dan ianya telah dilaksanakan pada Ogos sehingga Oktober 2022 serta dihadiri seramai 224 staf UPM.</p> <p>Untuk tahun 2023, pelaksanaan latihan lebih berkonsep <i>hands-on</i> atau secara praktikal akan diadakan bagi memastikan penggunaan Sistem HiStaf Skop JINM lebih efisien.</p>
SOALAN INDUSTRI	SKOR											
Tiada	-											
SOALAN STAF UPM	SKOR											
Sistem Sokongan [Keseluruhannya, paparan Sistem HiStaf skop JINM mesra pengguna.	2.84											

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
56.7.1		Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)		
16.	56.7.1(e)	meminta agar risiko yang hendak dipindahkan perlulah dikomunikasikan dengan PTJ yang akan menerima atau berkongsi risiko tersebut supaya tindakan dapat diambil.	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p>1. <u>TWP PP Pej. Pendaftar</u> Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Pejabat Pendaftar adalah terkawal dan tiada risiko yang dipindahkan atau berkongsi dengan PTJ lain.</p> <p>2. <u>TWP FSTM</u> Semua tindakan bagi risiko yang disenaraikan adalah tindakan fakulti. Tiada risiko yang berkongsi dengan PTJ lain.</p> <p>3. <u>TWP PP PKU</u> Pegawai Risiko PKU, UPM mengambil maklum dan akan berkomunikasi dengan PTJ yang berkongsi risiko bagi tahun 2023 supaya tindakan dapat diambil.</p> <p>Perbincangan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Penilaian Awal dan Penilaian Pertengahan Pertama Tahun 2023 di PKU UPM telah dilaksanakan pada 21 Jun 2023.</p> <p><u>Bil Isu</u> : 7 (isu dalaman)</p> <p>Tahap Risiko Penilaian Awal : 4 Rendah, 1 Sederhana & 2 Tinggi</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>Penilaian Pertengahan Pertama: 3 Rendah, 2 Sederhana dan 2 Tinggi.</p> <p><u>Isu dan tindakan ke atas risiko (PINDAH):</u></p> <p>1. Isu - Sumber kewangan yang diterima oleh PKU dari bajet mengurus adalah kurang berbanding dengan jumlah keperluan perbelanjaan operasi.</p> <p><u>Tindakan:</u> Peringkat mendapatkan maklum balas ulasan Kertas kerja semakan kadar bayaran yang telah dikemukakan kepada Pejabat Bursar</p> <p>Risiko berkongsi bersama Pejabat Bursar - Tahap Risiko Rendah</p> <p>2. Isu- Sistem eKlinik PKU UPM sekarang tidak lagi relevan dan tidak memenuhi keperluan medico legal serta usang.</p> <p><u>Tindakan:</u> Menunggu maklum balas kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti</p> <p>Risiko berkongsi bersama Pejabat IDEC - Tahap Risiko Tinggi</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>4. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Perbincangan dan tindakan akan dilaksanakan dengan PTJ yang terlibat sekiranya risiko dipindahkan kepada PTJ berkenaan.</p>
56.8		Laporan Latihan Universiti		
17.	56.8(d)	PTJ perlu mengenal pasti staf yang telah menghadiri kursus profesional, untuk memastikan kursus yang dihadiri turut didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Latihan UPM bagi tujuan rekod.	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p>1. <u>TWP FPP</u> FPP telah mengambil perhatian dan tindakan.</p> <p>2. <u>TWP FSTM</u> Fakulti mengambil maklum berkenaan perkara ini dan membuat pemakluman kepada warga fakulti.</p> <p>3. <u>TWP PP PKU</u> TPLS PKU UPM mengambil maklum.</p> <p>4. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Tiada yang terlibat sehingga 4 Julai 2023.</p>
18.	56.8(e)	meminta supaya semua PTJ mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan pencapaian latihan staf mencapai 100% pada sukuan keempat tahun 2023.	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p>1. <u>TWP FPP</u> FPP akan memastikan pencapaian latihan staf mencapai 100% pada sukuan keempat tahun 2023. (Nota: untuk tahun 2022 FPP telah mencapai 100% staf menghadiri latihan > 3 hari).</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>2. <u>TWP FSTM</u> Fakulti mengambil maklum berkenaan perkara ini dan membuat pemantauan setiap tempoh sukuan.</p> <p>3. <u>TWP PP PKU</u> TPLS PKU UPM mengambil maklum dan hasil semakan sehingga Mei 2023 iaitu 37.82% (> 3 hari) & 62.18% (<3 hari).</p> <p>4. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Pemantauan dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui laporan latihan staf setiap entiti HEPA dan tindakan diambil berdasarkan takwim dan perancangan latihan tahunan yang telah dijadualkan.</p>
56.9	Laporan Pengurusan Rekod Universiti			
19.	56.9(e)	Mesyuarat meminta supaya penambahan kod klasifikasi fail dengan tarikh kemas kini pada Februari 2023 diselaraskan di PTJ masing-masing sebagaimana hebahan yang telah dibuat kepada Pegawai Rekod Jabatan PTJ.	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p>1. <u>TWP FPP</u> FPP telah mengambil tindakan.</p> <p>2. <u>TWP FSTM</u> Fakulti mengambil maklum berkenaan perkara ini dan dalam proses membuat penyelarasan keseluruhan kod klasifikasi fail terkini.</p> <p>3. <u>TWP PP PKU</u> PRJ PKU UPM mengambil maklum Penambahbaikan Kod Klasifikasi Fail Universiti</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
				<p>Putra Malaysia bagi tarikh kemas kini Februari 2023.</p> <p>4. <u>TWP PP PEJ. TNCHEPA</u> Telah membuat hebahan kepada semua PTJ/Entiti HEPA melalui emel pada 22 Februari 2023 supaya merujuk kepada Klasifikasi Fail UPM yang terkini.</p>
56.10.1		Hal-hal Lain		
20.	56.10.1	<p>Kawalan Terhadap Aplikasi ChatGPT Mengambil maklum berhubung penggunaan Aplikasi ChatGPT (<i>Chat Generative Pre-trained Transformer</i>) iaitu satu laman yang membantu pengguna untuk menjawab sebarang soalan dalam masa yang singkat dan memberikan maklumat yang tepat berdasarkan maklumat yang terdapat secara dalam talian. Sehubungan dengan itu, mesyuarat mencadangkan supaya pihak iDEC mengeluarkan satu garis panduan khusus untuk mengawal selia penggunaan aplikasi ini dalam kalangan warga UPM.</p>	TWP iDEC	<p>Melalui Mesyuarat Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer) Bil 1/2023 bertarikh 20 Mac 2023 telah bersetuju untuk mewujudkan <i>taskforce</i> dalam kalangan UA & ahli MAPITA untuk melihat dan membangunkan garis panduan teknologi ChatGPT.</p>